



Rujukan Kami: SUK.Ps.04A/ 184 SK 1 (74)

Tarikh : 19 Jun 2023

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
SEMUA KETUA BADAN BERKANUN NEGERI
SEMUA KETUA GLC NEGERI
YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
SEMUA SETIAUSAHA BAHAGIAN/ KETUA UNIT, PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS BIL. 18:

**- POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (*WHISTLE BLOWING*),
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Tuan/ Puan, Inisiatif 1.2.4, Pelan Antirasuah Negeri Perlis (PAPs.) 2021-2025, telah ditetapkan agar Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis menyediakan satu (1) platform *whistle blowing* sebagai salah satu kaedah untuk melaporkan sebarang penyalahgunaan kuasa yang boleh menjejaskan nama baik dan reputasi Kerajaan Negeri Perlis.

3. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*), Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis ini merupakan satu (1) bentuk iltizam Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis untuk menggalakkan komunikasi terbuka dan budaya kerja yang jujur. Ianya juga sebagai suatu saluran alternatif untuk pemegang taruh, kakitangan, orang awam serta semua pihak yang berurusan secara langsung mahupun tidak langsung dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis untuk memberi maklumat berkaitan pelanggaran, salah laku, rasuah, salahguna kuasa, pelanggaran integriti mahupun tatakelakuan sekiranya sistem komunikasi biasa tidak sesuai digunakan.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dipanjangkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*), Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis sepertimana di **Lampiran A** untuk digunapakai berkuatkuasa dari tarikh surat arahan ini dikeluarkan.

5. Segala perhatian dan kerjasama Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Tuan/ Puan berhubung arahan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF)
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis



Polisi Perlindungan

PEMBERI MAKLUMAT *(WHISTLE BLOWING)*

Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis




Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*)
Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis (Versi 1.0)



Disediakan Oleh:
Unit Pengurusan Korporat & Integriti
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Aras 2, Blok B, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis,
Persiaran Wawasan, 01000 Kangar
PERLIS

Tel : 04-9738800
Faks : 04-9738875
Emel : korporat@perlis.gov.my



Kandungan

Perutusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri	4
Pendahuluan	6
Tujuan Polisi	7
Siapa Yang Boleh Membuat Pendedahan	8
Apa Yang Boleh Didedahkan	8
Bila Pendedahan Dbolehkan	10
Prosedur Membuat Pendedahan	10
Perlindungan	15
Pembatalan Perlindungan	17
Rujukan	17
Lampiran	17

Perutusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta limpah kurniaNya jua, maka kita telah berjaya membangunkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*whistle blowing*), Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis. Standard integriti yang tinggi dan tadbir urus terbaik menjadi aspirasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK Perlis). Penekanan kepada integriti dan tadbir urus terbaik dapat mencegah salah laku dan salah guna kuasa yang boleh menjejaskan nama baik dan reputasi Kerajaan Negeri Perlis.

Polisi ini adalah satu iltizam Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis untuk menggalakkan komunikasi terbuka dan budaya kerja yang jujur dengan mewujudkan prosedur-prosedur dalaman. Ia juga sebagai suatu saluran alternatif untuk pemegang taruh, kakitangan, orang awam serta semua pihak yang berurusan secara langsung mahupun tidak langsung dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis untuk memberi maklumat berkaitan pelanggaran, salah laku, rasuah, salahguna kuasa, pelanggaran integriti mahupun tatakelakuan sekiranya sistem komunikasi biasa tidak sesuai digunakan.

Polisi ini dibangunkan selaras dengan Inisiatif 1.2.4, Pelan Antirasuah Negeri Perlis (PAPs) 2021-2025 yang menetapkan agar PSUK Perlis menyediakan satu platform *whistle blowing* sebagai salah satu kaedah melaporkan penyalahgunaan kuasa dan memanipulasi fakta/maklumat. Ia bagi menangkis persepsi serta prasangka negatif masyarakat terhadap Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Kerajaan Negeri mahupun penjawat awam Negeri Perlis.

PSUK Perlis komited dan sentiasa berusaha memastikan prinsip integriti dalam melaksanakan semua urusan rasmi Kerajaan sentiasa dijunjung pada setiap masa. Polisi ini juga diharap menjadi pelengkap kepada saluran-saluran komunikasi biasa dan sistem pelaporan sedia ada.

Harapan saya, agar semua warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis dan seluruh warga perkhidmatan awam amnya dapat menjaga imej dan nama baik Negeri Perlis dengan melaksanakan amanah yang diberi dengan jujur dan berintegriti. Semoga Negeri Perlis terus maju dan makmur; serta lebih berdaya saing dan berintegriti di peringkat negara dan dunia. Insya Allah

Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis



“ Ia juga sebagai suatu saluran alternatif untuk pemegang taruh, kakitangan, orang awam serta semua pihak yang berurusan secara langsung mahupun tidak langsung dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis untuk memberi maklumat berkaitan pelanggaran, salah laku, rasuah, salahguna kuasa, pelanggaran integriti mahupun tatakelakuan sekiranya sistem komunikasi biasa tidak sesuai digunakan ”

Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam
Bin Hj. Ahmad
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

HASNOL ZAM ZAM AH



1. PENDAHULUAN

- 1.1 *Whistle blowing* merupakan satu kaedah di mana pendedahan dibuat oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Negeri Perlis 1993 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan.
- 1.2 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (seterusnya akan di rujuk sebagai “Polisi ini”) mampu bertindak sebagai sebuah sistem pemberitahuan maklumat awal yang dapat menyumbang kepada sebuah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis yang lebih efektif dan efisien.
- 1.3 Polisi ini bertujuan untuk membolehkan warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis /agensi di bawahnya, mana-mana penjawat awam atau orang awam (‘Pemberi Maklumat’) untuk membuat pendedahan mengenai apa-apa salah laku dari peringkat awal kepada seseorang yang telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (‘Pegawai Yang Dilantik’) tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindak balas, agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.
- 1.4 Pada masa yang sama, Polisi ini juga akan memastikan setiap individu menggunakan hak mereka (untuk membuat pendedahan) secara bertanggungjawab dan wajar apabila mengesyaki akan sesuatu yang tidak betul akan berlaku, sedang berlaku atau telah berlaku.

Prinsip Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat

- 1.5 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK Perlis) dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis komited untuk mengamalkan nilai-nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam mengendalikan setiap urusan rasminya. **Kesalahan** seperti penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan jenayah yang serius dan kesilapan pengurusan yang melampau **perlu dilaporkan mengikut mekanisme dalaman yang betul**.
- 1.6 Pelaksanaan Polisi ini dapat memastikan integriti dan profesionalisme warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis berada di tahap yang tinggi. Sebarang salah laku boleh didedahkan oleh mana-mana individu yang akan bertindak sebagai amaran awal untuk mengenal pasti masalah / situasi yang boleh menjejaskan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis. Ia juga membolehkan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis memastikan masalah dan salah laku yang sama tidak berulang di masa hadapan.

- 1.7 Bagi menggalakkan komunikasi terbuka dan budaya kerja yang jujur, Polisi ini akan menjadi pelengkap kepada saluran aduan sedia ada. Ia juga sebagai suatu saluran alternatif untuk pemegang taruh, kakitangan, orang awam serta semua pihak yang berurusan secara langsung mahupun tidak langsung dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis untuk memberi maklumat berkaitan pelanggaran, salah laku, rasuah, salahguna kuasa, pelanggaran integriti mahupun tatakelakuan sekiranya sistem komunikasi biasa tidak sesuai digunakan apabila aduan adalah berkenaan penyelia terdekatnya atau ketua bahagian.
- 1.8 Polisi ini adalah sebagai komitmen Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis dan warganya dalam mencapai etika integriti dan pematuhan undang-undang dengan mengintegrasikan polisi ini dalam amalan dan budaya kerja untuk menghalang penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan jenayah dan kesilapan pengurusan. Melalui pelaksanaan polisi ini secara efektif diharapkan ianya dapat mengukuh dan mengekalkan integriti serta membina kredibiliti Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis sebagai peneraju perkhidmatan awam di Negeri Perlis.

2. TUJUAN POLISI

2.1 Tujuan Polisi ini di wujudkan adalah:

- (a) Untuk memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh bertanggungjawab dan mengikut prosedur dalaman dan saluran yang betul.
- (b) Untuk menangani kemungkinan berlakunya kesan negatif akibat pendedahan sesuatu maklumat dengan pendekatan dan mengikut masa yang sesuai. Apabila hal-hal pendedahan sebegini diterima, ianya akan diberi keutamaan mengikut sifat, keseriusan salah laku, pelanggaran integriti dan risiko kesan pendedahan.
- (c) Untuk melindungi Pemberi Maklumat dari sebarang tindakan balas akibat dari pendedahan yang dibuat dan melindungi maklumat peribadi pemberi maklumat.
- (d) Untuk berlaku adil terhadap Pemberi Maklumat dan tertuduh yang dilaporkan. Pemberi Maklumat akan diberitahu tentang status pendedahan beliau manakala tertuduh pula akan diberitahu tentang tuduhan terhadapnya dan akan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat akan dilindungi dan dirahsiakan. Identiti dan maklumat tertuduh akan hanya didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses lain mengikut keperluan dan atas dasar "perlu tahu" (*need to know basis*) sahaja.

3. SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN


- 3.1 Pendedahan mengenai perkara-perkara berkaitan penyelewengan, salah laku amalan-amalan yang tidak sah dari segi peraturan dan undang-undang boleh dilakukan oleh pemegang taruh, kakitangan, orang awam serta semua pihak yang berurusan secara langsung mahupun tidak langsung dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis.

4. APA YANG BOLEH DIDEDAHKAN

- 4.1 Sesuatu pendedahan ("Pendedahan") boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana salah laku yang berikut oleh seseorang berkenaan urusan rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis :

- (a) Penyelewengan;
- (b) Salah guna kuasa;
- (c) Rasuah atau penipuan;
- (d) Kesalahan jenayah;
- (e) Gangguan Seksual (*Sexual harassment*);
- (f) Salah guna wang atau harta Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis;
- (g) Kesalahan tata tertib;
- (h) Kesilapan pengurusan yang melampau dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis;
- (i) Ketirisan kewangan yang serius dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis;
- (j) Satu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar dan spesifik kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawahnya, orang awam atau keadaan persekitaran;
- (k) Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana akta, enakmen dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan mana-mana atau kesemua kesalahan yang dinyatakan di atas.



Perkara Yang Tidak Diambilkira Polisi Ini

4.2

Polisi ini tidak memasukkan/ mengambilkira/ memfokuskan isu-isu, aduan atau kebimbangan mengenai:



- (a) Perkara-perkara yang remeh, menyusahkan atau tidak serius;
- (b) Perkara-perkara yang berniat jahat atau menyakitkan hati atau didorongi oleh agenda peribadi atau niat jahat;
- (c) Perkara-perkara yang melibatkan persoalan terhadap merit dasar Kerajaan terutamanya dasar/ polisi Kerajaan Negeri Perlis/ Pejabat Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis /agensi di bawahnya;
- (d) Perkara-perkara yang melibatkan pendedahan atau maklumat palsu;
- (e) Perkara-perkara yang didedahkan dengan motif untuk mengelakkan dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain;
- (f) Perkara-perkara yang didedahkan di mana Pemberi Maklumat sendiri terlibat dengan salah laku tersebut;
- (g) Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui prosiding disiplin Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis ; dan
- (h) Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah, penimbangtaraan atau lain-lain prosiding yang serupa.

4.3

Kesalahan boleh berlaku semasa pelaksanaan urusan rasmi Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis atau di mana-mana tempat kerja, yakni di mana-mana tempat yang berkaitan dengan urusan rasmi Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis / warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis.



5. BILA PENDEDAHAN DIBOLEHKAN

- 5.1 Pemberi Maklumat harus tampil dengan apa-apa maklumat sama ada secara lisan atau dokumen di mana, dengan niat baik dan berasaskan alasan yang munasabah, beliau percaya yang sesuatu kesalahan / salah laku dijangka berlaku, sedang berlaku atau sudah berlaku.
- 5.2 Pendedahan boleh dibuat oleh Pemberi Maklumat pada bila-bila masa selepas mendapat maklumat atau dokumen yang berkenaan.
- 5.3 Sekiranya Pemberi Maklumat pernah atau sedang terlibat dalam kesalahan / salah laku bagi pendedahan yang akan dibuat oleh beliau, Pemberi Maklumat perlu membuat pendedahan dan pengakuan dengan sukarela dan Pemberi Maklumat akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk dilindungi di bawah Polisi ini dan dikecualikan daripada peruntukan di perenggan 4.2(f).

6. PROSEDUR MEMBUAT PENDEDAHAN

Pegawai Yang Dilantik (PYD)

- 6.1 Pada amnya, semua **Pendedahan mengikut Polisi ini harus dibuat kepada Pegawai Yang Dilantik (PYD)** (rujuk Carta Aliran di **Lampiran 1**) kecuali dalam keadaan sebagaimana yang dinyatakan di **perenggan 6.4.3**. PYD ialah orang yang memegang jawatan **Setiausaha Bahagian (SUB) DAN Penolong Setiausaha (PSU) / Pegawai Siasatan di Unit Pengurusan Korporat dan Integriti**, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

6.2 Pendedahan Awal

- 6.2.1 Satu Pendedahan boleh dibuat secara –

- (a) e-mel: **wb@perlis.gov.my**;
- (b) telefon: **04-973 8866 (PSU); 04-973 8902 (SUB)**;
- (c) bersemuka;
- (d) Sistem aduan integriti: **<https://www.perlis.gov.my/index.php/integriti>**



- (e) surat:

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
(Unit Pengurusan Korporat dan Integriti)
Aras 2, Blok B, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis
Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis.

- 6.2.2 Bagi aduan yang dibuat **secara bersemuka**, PYD akan menulis Pendedahan yang dibuat secara lisan tersebut dan Pemberi Maklumat akan mengesahkannya. Sejauh mana yang boleh dipraktikkan secara munasabah, Pendedahan tersebut akan dibuat di mana-mana tempat yang difikirkan bersesuaian dan selamat oleh PYD.
- 6.2.3 Bagi Pendedahan yang dibuat secara **e-mel, sistem aduan integriti dan surat**, pengendalian dan akses kepada maklumat tersebut hendaklah dikendalikan hanya oleh PYD. **Pemberi Maklumat akan dihubungi oleh PYD untuk janji temu** bagi tujuan pengesahan maklumat.
- 6.2.4 Satu Pendedahan **harus mengandungi sekurang-kurangnya butiran** Pemberi Maklumat seperti yang berikut:
- (a) Warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis – nama, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi;
 - (b) Bukan warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis – nama, nama majikan/tempat bekerja, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi.
- 6.2.5 **Alasan munasabah** untuk laporan tersebut termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan, contohnya, jenis kesalahan, tarikh, masa dan tempat berlaku kejadian dan identiti tertuduh;
- 6.2.6 Maklumat-maklumat **saksi** (jika ada); dan
- 6.2.7 Maklumat atau dengan menunjukkan **bukti** dokumen (jika ada).



- 6.3 Pemberi Maklumat mungkin diminta untuk tampil secara bersemuka atau dihubungi (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lanjut sekiranya Pendedahan yang diberikan olehnya perlu disiasat dengan lebih lanjut.


6.4 **Penapisan dan Penilaian Awal Pendedahan**

- 6.4.1 **Pegawai Yang Dilantik (PYD) akan menapis dan menilai sesuatu maklumat/ Pendedahan itu untuk memastikan samada maklumat / Pendedahan yang diterima adalah lengkap dan berasas sebagaimana di perenggan 6.2.4, 6.2.5, 6.2.6 dan 6.2.7 serta berkaitan dengan kesalahan / salah laku dalam skop Polisi ini sebagaimana yang diperuntukkan di perenggan 4.1 dan 4.2.**

- 6.4.2 Selanjutnya, PYD akan menyediakan laporan awal untuk penilaian **Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA)** dalam **tempoh satu (1) bulan** dari tarikh PYD menerima maklumat / Pendedahan itu.

- 6.4.3 **Satu Pendedahan boleh dibuat secara terus kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)** dalam keadaan mana-mana situasi berikut:

- (a) Bila mana Pendedahan itu **melibatkan** kesalahan / salah laku oleh **Pegawai Yang Dilantik (PYD)** ; atau
- (b) Bila mana Pendedahan itu tidak melibatkan PYD tetapi Pemberi Maklumat percaya bahawa **PYD ada kepentingan peribadi** dengan mana-mana orang yang terlibat dengan kesalahan / salah laku dalam pendedahan tersebut.
- (c) Dalam mana-mana dua situasi di atas, **Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)** boleh mengecualikan PYD daripada mengendalikan Pendedahan tersebut dan melantik mana-mana pegawai yang difikirkan bersesuaian dan layak sebagai **Pegawai Yang Dilantik Khas (PYDK)** untuk mengendalikan Pendedahan tersebut dan melindungi Pemberi Maklumat di bawah Polisi ini.




- 6.4.4 Sekiranya **Pendedahan melibatkan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)** sendiri, Pemberi Maklumat boleh menyalurkan maklumat kepada **Pegawai Yang Dilantik (PYD)** dan PYD hendaklah terus menyalurkan maklumat/ Pendedahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (**YB SUK**), tanpa perlu merujuk kepada **Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)** terlebih dahulu. Selanjutnya, YB SUK bolehlah mengarahkan PYD untuk terus mengambil tindakan sebagaimana peruntukan di perenggan 6.4.2 dan 6.5 serta mengecualikan sepenuhnya Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dalam kesemua proses tersebut sehingga Pendedahan tersebut diputuskan oleh JMA (sehingga selesai).

Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA)

6.5 Rujukan Kepada JMA

- 6.5.1 Berikutan perenggan 6.4.2 di atas, Pendedahan yang disertakan dengan laporan awal akan dirujuk oleh Pegawai Yang Dilantik (PYD) kepada JMA. **JMA terdiri daripada** Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Ketua Unit Integriti, Pegawai Aduan Unit Integriti, Ketua Unit Audit Dalam dan mana-mana pegawai yang mengetuai enam (6) Fungsi Teras Integriti (Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesanan; Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib) dalam Unit Integriti; serta jika perlu, mana-mana pegawai lain yang dilantik oleh YB SUK (**Lampiran 2**). **JMA mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad**, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) Pendedahan ditolak kerana tidak berasas, maklumat palsu atau maklumat tidak mencukupi;
- (b) Pendedahan dipertimbangkan untuk diambil tindakan dibawah mana-mana prosedur dalaman lain yang difikirkan bersesuaian;
- (c) Penyelesaian/keputusan berdasarkan laporan awal oleh PYD di perenggan 6.4.2 di atas tanpa perlu untuk satu penyiasatan lanjut;
- (d) Mengesyorkan suatu penyiasatan lanjut ke atas Pendedahan tersebut seperti penubuhan Jawatan Kuasa Khas Siasatan Dalaman (JKSD) yang ditubuhkan secara pentadbiran dengan persetujuan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (YB SUK);



(e) Mengesyorkan kepada YB SUK atau Ketua Jabatan untuk tindakan pemulihan atau pencegahan secara pentadbiran yang boleh diambil ke atas warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawahnya, di mana hukuman yang boleh dikenakan termasuk tindakan disiplin, amaran atau teguran formal, penurunan pangkat, pertukaran penempatan, penggantungan atau diberhentikan perkhidmatannya atau jenis hukuman yang lain termasuk dalam bentuk kewangan atau dirujuk kepada Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Perlis sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Negeri Perlis 1993

(f) Rujukan kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan. Bagi pertimbangan di bawah perenggan ini –

(i) sekiranya JMA berpuas hati dan memutuskan Pendedahan / maklumat yang diterima adalah terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah, JMA hendaklah merujuk Pendedahan tersebut dan segala maklumat yang berkaitan kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan seperti pihak PDRM / SPRM atau lain-lain; atau

(ii) sekiranya JMA berpuas hati Pendedahan / maklumat yang diterima berkaitan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis wajar dikendalikan oleh agensi berkenaan dan pengadu akan dilindungi sepenuhnya di bawah Polisi ini dan/atau turut dilindungi di bawah polisi perlindungan pemberi maklumat agensi berkenaan atau Akta 711 bersesuaian dan selaras dengan fungsi dan kuasa agensi tersebut.

(iii) Lain-lain tindakan yang difikirkan wajar dan bersesuaian oleh JMA. Contohnya keputusan berhubung Pendedahan / maklumat melibatkan pengurusan tertinggi Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis.



6.5.2

Sekiranya **Pendedahan melibatkan mana-mana ahli JMA** yang dilantik, sebelum pendedahan tersebut dirujuk kepada JMA sebagaimana di perenggan 6.4.2 di atas, Timbalan Setiausaha Kerajaan / Ketua Unit Integriti boleh mengesyorkan kepada YB SUK untuk melantik ahli JMA yang baharu (bagi menggantikan ahli JMA yang dikatakan terlibat dengan pendedahan tersebut) atau lain-lain kaedah yang difikirkan bersesuaian.

6.6 Proses Siasatan dan Keputusan Pendedahan oleh Pemberi Maklumat

6.6.1 **Pemberi Maklumat** dan orang yang terlibat dalam Pendedahan tersebut hendaklah diminta untuk **memberi kerjasama** sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan mengikut Polisi ini untuk menyempurnakan proses pencarian fakta bagi membantu JMA dalam proses untuk membuat keputusan.

6.6.2 Pemberi Maklumat juga **bolehlah dimaklumkan** akan **tindakan** yang telah diambil dan status Pendedahan yang telah dibuat.

7. PERLINDUNGAN

7.1 Warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawahnya

7.1.1 Setelah membuat Pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut Polisi ini:

- (a) Pemberi Maklumat akan **dilindungi dari tindak balas dalaman** Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawahnya sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya; dan
- (b) Identiti dan maklumat **Pemberi Maklumat** sebagaimana di perenggan 6.2.4 di atas akan dilindungi dan dirahsiakan.
- (c) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat **TIDAK AKAN DIDEDAHKAN**. Hanya maklumat tertuduh tersebut akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.
- (d) Satu **tindakan balas dalaman bermaksud** langkah-langkah disiplin, penurunan jawatan, pertukaran penempatan, penilaian prestasi tahunan, penggantungan atau penamatan perkhidmatan (tetap /kontrak /sementara/ sambilan) dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis atau ancaman untuk melakukan mana-mana tindakan-tindakan ini.





7.2

Orang awam (termasuk pemegang taruh Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis)

7.2.1

(e) Jika seseorang warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis **telah menghadapi gangguan, dijadikan mangsa atau dikenakan tindakan balas dalaman** disebabkan kesan langsung kerana membuat pendedahan di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh **melaporkan perkara tersebut** kepada **Ketua Unit Integriti / Pegawai Yang Dilantik** dan Ketua Unit Integriti / Pegawai Yang Dilantik hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada JMA sebagaimana proses di perenggan 6.4.2 dan 6.5 di atas **bagi membolehkan JMA mempertimbangkan** dan memutuskan apa-apa remedi yang wajar dan bersesuaian terhadap Pemberi Maklumat.

Setelah membuat Pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut Polisi ini:

(a) **Identiti dan maklumat Pemberi Maklumat** sebagaimana di perenggan 6.2.4 di atas akan **dilindungi dan dirahsiakan**.

(b) Identiti dan maklumat peribadi tertuduh hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.

7.3

Mana-mana penjawat awam (bukan warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis / agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis)

7.3.1

Setelah membuat Pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut Polisi ini:

(a) **Identiti dan maklumat Pemberi Maklumat** sebagaimana di perenggan 6.2.4 di atas akan **dilindungi dan dirahsiakan**.

(b) Identiti dan maklumat peribadi tertuduh hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.

7.4

Mana-mana **Pemberi Maklumat** yang dengan **sengaja mendedahkan identitinya** dan/ atau membuat aduan **tidak mengikut prosedur** yang ditetapkan di **perenggan 6** sehingga **menyebabkan identitinya terbongkar**, pentadbiran ini tidak bertanggungjawab menjaga kerahsiaan identitinya, namun begitu **aduannya akan disiasat dengan sewajarnya**.

8. PEMBATALAN PERLINDUNGAN

- 8.1 Mana-mana **orang sebagaimana di perenggan 7** di atas, yang membuat **Pendedahan sebagaimana di perenggan 4.2** di atas akan dengan automatiknya hilang perlindungan-perindungan di atas (setakat yang bersesuaian).


RUJUKAN

1. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)
2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) Negeri Perlis 1993
3. Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 21 Mac 2011
4. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Kementerian Dalam Negeri (KDN)
5. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistle Blowing), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)



LAMPIRAN

CARTA ALIRAN
PROSEDUR MENGURUS PENDEDAHAN DI BAWAH POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERLIS



LAMPIRAN 2

JAWATANKUASA MENILAI ADUAN (JMA)
DI BAWAH POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERLIS

Bil	Pegawai	Jawatan
1	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	Pengerusi
2	Ketua Unit Integriti (Setiausaha Bahagian Unit Pengurusan Korporat dan Integriti)	Ahli Tetap
3	Pegawai Aduan (Penolong Setiausaha, Unit Pengurusan Korporat dan Integriti)	Ahli Tetap
4	Ketua Unit Audit Dalam	Ahli Tetap
5	dan jika perlu; Mana-mana pegawai yang dilantik oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sebagai Ahli Tambahan	Ahli Tambahan (Jika Perlu)
6	Penolong Pegawai Tadbir, Seksyen Integriti dan Aduan Awam (Unit Pengurusan Korporat dan Integriti)	Urusetia

Nota : Pelantikan Ahli Ganti (Rujuk Perenggan 6.5.2)



www.perlis.gov.my



SUKPerlisOfficial



SUKPerlisOfficial



SUKPerlis



SUKPerlis

You Tube

Canggung Digital

